



FAQ HARI PENAMAAN CALON

PILIHAN RAYA UMUM (PRU) DEWAN UNDANGAN/DEWAN NEGERI/DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) BAGI NEGERI KEDAH, KELANTAN, TERENGGANU, PULAU PINANG, SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN (PRU DUN KE-15)

CALON/KERTAS PENAMAAN CALON

1. Siapakah yang layak menjadi calon untuk bertanding di dalam pilihan raya?

Syarat kelayakan menjadi calon untuk bertanding di dalam pilihan raya adalah seperti berikut:

Pilihan Raya Kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN):

- a) Seorang warganegara Malaysia dan bermastautin di dalam negeri di mana beliau ingin bertanding; dan
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun berdasarkan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri/Undang-Undang Tubuh Kerajaan/Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan/Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan negeri masing-masing pada hari penamaan calon.

2. Dimanakah calon boleh mendapatkan Set Penamaan Calon?

Set Penamaan Calon boleh dibeli di Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN), Pejabat Pegawai Pengurus atau di Ibu Pejabat SPR di Putrajaya dengan harga **RM20.00** satu set.

3. Siapakah yang boleh menyerahkan Kertas Penamaan kepada Pegawai Pengurus pada Hari Penamaan Calon?

Kertas Penamaan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pengurus oleh calon, pencadang dan penyokongnya atau mana-mana dua (2) orang atau mana-mana seorang dari mereka di antara jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi pada Hari Penamaan Calon.

4. Apakah dokumen yang perlu diserahkan kepada Pegawai Pengurus pada Hari Penamaan Calon?

Dokumen yang perlu diserahkan oleh calon atau pencadang atau penyokongnya kepada Pegawai Pengurus adalah seperti berikut:

- a) Borang 4 (Kertas Penamaan bagi Parlimen)/4A (Kertas Penamaan bagi DUN);
- b) Borang 5 (Akuan Berkanun bagi Parlimen)/5A (Akuan Berkanun bagi DUN);
- c) Borang A (Sumpah Kerahsiaan);
- d) Borang SPR. 766 (Borang Maklumat Tambahan Calon/Ejen Pilihan Raya);
- e) Borang Deposit Bahan Kempen Pilihan Raya dan wang deposit bahan kempen. Resit asal perlu dikemukakan sebagai bukti pembayaran deposit bahan kempen pilihan raya sekiranya pembayaran telah dibuat sebelum Hari Penamaan Calon;
- f) Wang deposit pilihan raya (tunai atau bank draf). Resit asal perlu dikemukakan sebagai bukti pembayaran deposit pilihan raya sekiranya pembayaran telah dibuat sebelum Hari Penamaan Calon;
- g) Kad pengenalan/MyKad atau Resit Pengenalan Sementara (Borang JPN KPPK 09); dan
- h) Surat kebenaran menggunakan simbol parti (bagi calon yang mewakili mana-mana parti politik).

5. Apakah sebab-sebab Kertas Penamaan ditolak?

Kertas Penamaan boleh ditolak atas sebab-sebab berikut:

- a) **Belum mencapai umur 18 tahun** berdasarkan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri/Undang-Undang Tubuh Kerajaan/Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan/Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan negeri masing-masing;
- b) Telah **hilang taraf kewarganegaraan Malaysia**;
- c) **Butir-butir calon tidak mencukupi** untuk mengenal pasti calon tersebut. Contoh: nama dan nombor kad pengenalan tidak diberikan dengan lengkap;
- d) **Kertas Penamaan tidak mematuhi kehendak atau tidak diserahkan mengikut prosedur** sebagaimana yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981;
- e) **Calon hilang kelayakan** untuk menjadi seorang Ahli di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan bagi pilihan raya Dewan Rakyat atau di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan Negeri yang berkenaan bagi pilihan raya Dewan Undangan Negeri kerana sebab-sebab berikut:
 - (i) Calon adalah dan telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal;
 - (ii) Calon seorang bankrap yang belum lepas;
 - (iii) Calon memegang sesuatu jawatan berpendapatan;
 - (iv) Setelah dinamakan untuk pemilihan ke mana-mana satu Parlimen/DUN (bertanding sebagai calon), atau setelah bertindak sebagai ejen pilihan raya, beliau tidak menyerahkan apa-apa Penyata Perbelanjaan Pilihan Raya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki (yang terdahulu/dalam tempoh lima tahun); atau

- (v) Disabitkan kesalahan oleh Mahkamah dengan dijatuhi hukuman penjara tidak kurang daripada satu tahun atau didenda tidak kurang daripada RM 2000.00.
- f) Jika calon seseorang yang **didapati bersalah di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954**; dan
- g) Jika calon **hilang kelayakan sebagai Ahli Dewan Rakyat atau DUN** di bawah peruntukan Perkara 48(6) Perlembagaan Persekutuan atau peruntukan berkaitan di bawah Perlembagaan Negeri **selepas melepaskan keahlian sebagai Ahli Dewan Rakyat**.

6. Bolehkan calon/penyokong/pencadang hanya mengemukakan salinan kad pengenalan dan bukan dokumen asal pada Hari Penamaan Calon?

Ya, boleh. Sekiranya calon/penyokong/pencadang atas sebab-sebab tertentu tidak dapat mengemukakan dokumen asal pengenalan diri, calon/penyokong/pencadang boleh mengemukakan salinan dokumen-dokumen tersebut.

7. Bolehkah seorang calon bertanding lebih daripada satu Bahagian Pilihan Raya?

Ya, boleh. Calon yang bertanding lebih daripada satu (1) Bahagian Pilihan Raya perlu mengemukakan Kertas Penamaan bagi setiap Bahagian Pilihan Raya yang beliau ingin bertanding kepada Pegawai Pengurus masing-masing.

Contoh:

- Calon ingin bertanding di **Parlimen P.066 Batu Gajah** dan **DUN N.31 Jelapang (DUN di bawah Parlimen P.066 Batu Gajah)**. Calon perlu kemukakan Kertas Penamaan kepada kepada Pegawai Pengurus Parlimen P.066 Batu Gajah dan Pegawai Pengurus DUN N.31 Jelapang.
- Calon ingin bertanding di Parlimen **P.066 Batu Gajah** dan **DUN N.40 Bota (DUN di bawah Parlimen P.069 Parit)**. Calon

perlu kemukakan Kertas Penamaan kepada Pegawai Pengurus Parlimen P.066 Batu Gajah dan Pegawai Pengurus P.069 Parit.

- Calon ingin bertanding di Parlimen **P.066 Batu Gajah di Perak dan DUN N.25 Kajang di Selangor (DUN di bawah Parlimen P.102 Bangi)**. Calon perlu kemukakan Kertas Penamaan kepada Pegawai Pengurus Parlimen P.066 Batu Gajah dan Pegawai Pengurus P.102 Bangi.

8. Apakah maksud "jawatan berpendapatan"?

Berdasarkan Perkara 148(1)(1)(c), Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersekali dengan Perkara 132(1) dan (3) serta Perkara 160, "jawatan berpendapatan" adalah bermaksud:

- a) Seseorang yang dibayar sepenuh masa; dan
- b) Dalam perkhidmatan awam.

Ini bermakna sesiapa yang **bukan** di dalam perkhidmatan awam dan tidak dibayar gaji sepenuh masa adalah **TIDAK termasuk** dalam kategori Perkara 48(1)(c) ini.

Lantikan yang dibuat bukan oleh Perkhidmatan Awam dan tidak dibayar sepenuh masa oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri seperti lantikan politik **BUKAN** merupakan "jawatan berpendapatan".

Pertanyaan berkenaan takrifan "jawatan berpendapatan" ini boleh dirujuk terus ke Pejabat Penasihat Undang-Undang SPR atau Pejabat Peguam Negara untuk maklumat lanjut.

9. Apakah kelayakan menjadi pencadang dan penyokong bagi calon yang hendak bertanding?

Pencadang dan penyokong bagi calon perlulah merupakan pemilih bagi Bahagian Pilihan Raya tempat calon ingin bertanding.

Contoh:

- Sekiranya calon bertanding di Parlimen P.102 Bangi, maka pencadang dan penyokong perlulah merupakan pemilih bagi Parlimen P.102 Bangi.
- Sekiranya calon bertanding di DUN N.52 Pangkor, maka pencadang dan penyokong perlulah merupakan pemilih bagi DUN N.52 Pangkor.

10. Bolehkah calon membuat semakan awal Kertas Penamaan sebelum Hari Penamaan Calon?

Ya. Calon boleh membuat semakan awal Kertas Penamaan di Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) sebelum Hari Penamaan Calon. Walau bagaimanapun, Kertas Penamaan tersebut tetap perlu diserahkan di Pusat Penamaan Calon dalam tempoh antara jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi pada hari Penamaan Calon. Kegagalan calon untuk mengemukakan Kertas Penamaan pada Hari Penamaan Calon dalam tempoh masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan Kertas Penamaan ditolak walaupun Kertas Penamaan tersebut telah disemak lebih awal oleh PPN sebelum Hari Penamaan Calon.

11. Bolehkah Kertas Penamaan dibetulkan sekiranya terdapat kesalahan?

Setelah bakal calon menyerahkan kertas penamaan kepada Pegawai Pengurus dan menyedari terdapat kesilapan yang perlu dibuat pembetulan, calon boleh berbuat demikian dengan mendapatkan kebenaran daripada Pegawai Pengurus untuk membuat pembetulan sewajarnya walaupun selepas jam 10.00 pagi selagi mana Pegawai Pengurus belum mengisytiharkan senarai nama calon yang sah bertanding bagi Bahagian Pilihan Raya tersebut.

Walaupun bagaimanapun, bakal calon hanya boleh berbuat demikian di dalam Pusat Penamaan Calon dan di hadapan Pegawai Pengurus sahaja. Kertas Penamaan tidak boleh sama sekali dibawa keluar dari

Pusat Penamaan Calon. Pembetulan ke atas kesilapan mengisi kertas penamaan boleh juga dibuat oleh pencadang atau penyokong mana yang berkaitan.

12. Bolehkah calon bebas memilih logo calon bebas lebih awal sebelum Hari Penamaan Calon?

Pemilihan logo bagi calon bebas akan dibuat pada Hari Penamaan Calon. Sekiranya terdapat lebih dari seorang calon memilih logo yang sama, maka cabutan undi akan dilakukan bagi memutuskan calon yang akan menggunakan logo tersebut.

13. Bagaimanakah calon hendak menarik diri dari pencalonan?

Calon yang ingin menarik diri selepas mengemukakan Kertas Penamaan boleh berbuat demikian pada bila-bila masa sebelum jam 10.00 pagi pada Hari Penamaan Calon dan wang deposit pilihan raya akan dikembalikan. Calon yang berhasrat menarik diri perlu **mengemukakan sendiri permohonan berkenaan secara bertulis** kepada Pegawai Pengurus.

14. Bolehkah calon menghantar Kertas Penamaan bagi Bahagian Pilihan Raya lain kepada Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya yang lain?

Tidak. Calon hendaklah mengemukakan Kertas Penamaan bagi Bahagian Pilihan Raya yang beliau ingin bertanding kepada Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya tersebut.

15. Bolehkah calon menggunakan gelaran yang tiada namanya atau menggunakan nama gelaran/pangkat sebagai nama pada kertas undi atau ? Contoh: Uncle Besi, YB, Dato', Haji.

Ya, boleh.

16. Adakah calon perlu membayar bagi mendapatkan Daftar Pemilih Pilihan Raya (DPPR) selepas Hari Penamaan Calon?

Tidak. SPR akan membekalkan satu set DPPR secara percuma bagi Bahagian Pilihan Raya tempat calon tersebut bertanding selepas pencalonan disahkan oleh Pegawai Pengurus.

DEPOSIT PILIHAN RAYA DAN DEPOSIT BAHAN KEMPEN

1. Berapakah jumlah deposit pilihan raya yang perlu dibayar oleh calon?

Jumlah deposit pilihan raya yang perlu dibayar oleh calon bagi setiap Bahagian Pilihan Raya yang beliau ingin bertanding adalah:

- a) Dewan Rakyat (Parlimen): RM10,000.00; dan
- b) DUN: RM5,000.00.

Calon akan diberikan resit rasmi sebagai bukti pembayaran.

2. Berapakah jumlah deposit bahan kempen pilihan raya yang perlu dibayar oleh calon?

Jumlah deposit bahan kempen yang perlu dibayar oleh calon bagi setiap Bahagian Pilihan Raya yang beliau ingin bertanding adalah:

- c) Dewan Rakyat (Parlimen): RM5,000; dan
- d) DUN: RM3,000.

3. Dalam bentuk apakah untuk membuat pembayaran deposit pilihan raya?

Deposit pilihan raya dibayar dalam bentuk tunai, draf bank atau apa-apa bentuk lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

4. Apakah akibatnya jika calon gagal membayar deposit bahan kempen?

Calon yang gagal mengemukakan deposit bahan kempen pilihan raya tidak dibenarkan untuk memasang atau mempamer sebarang bahan kempen pilihan raya. Jika disabit kesalahan di bawah Seksyen 24B Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 berkaitan dengan perkara tersebut, calon berkenaan boleh dihukum penjara selama tidak melebihi RM3,000.00 atau kedua-duanya sekali.

5. Bolehkah deposit pilihan raya dibayar sebelum Hari Penamaan Calon?

Ya, boleh. Calon boleh membuat bayaran lebih awal sebelum Hari Penamaan Calon kepada Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) atau Pejabat Pegawai Pengurus.

6. Sekiranya deposit pilihan raya telah dibayar, namun calon menarik diri dari pencalonan, adakah deposit tersebut akan dikembalikan?

Sekiranya deposit pilihan raya telah dibayar dan calon menarik diri **sebelum jam 10.00 pagi** pada Hari Penamaan Calon, deposit pilihan raya akan dikembalikan kepada calon. Walau bagaimanapun, sekiranya calon menarik diri **selepas jam 10.00 pagi, deposit pilihan raya tidak akan dikembalikan.**

7. Sekiranya deposit pilihan raya telah dibayar, namun calon mahu menukar Bahagian Pilihan Raya yang lain sebelum Hari Penamaan Calon, adakah beliau perlu membayar sekali lagi deposit pilihan raya kepada Pegawai Pengurus?

Ya. Calon perlu membayar sekali lagi deposit pilihan raya kepada Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya yang beliau ingin bertanding. Deposit pilihan raya yang telah dibayar kepada Pegawai Pengurus sebelum ini (Bahagian Pilihan Raya yang mana calon tidak jadi bertanding) akan dipulangkan semula kepada calon.

8. Kepada siapakah calon perlu membayar deposit bahan kempen?

Untuk tujuan pemasangan bahan kempen dalam Bahagian Pilihan Raya yang dipertandingkan, calon-calon hendaklah membayar deposit bahan kempen pilihan raya kepada PPN atau Pejabat Pegawai Pengurus sebanyak RM5,000 bagi calon Parlimen dan RM3,000 bagi calon DUN. PPN akan mengeluarkan permit dan diserahkan kepada calon atau Ejen Pilihan Raya.

Selain deposit bahan kempen pilihan raya, calon-calon juga dikehendaki untuk mendapatkan permit pemasangan bahan

kempen pilihan raya daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah berkaitan.

9. Bilakah calon perlu membuat bayaran bahan kempen kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?

Calon boleh membuat bayaran permit pemasangan bahan kempen kepada PBT pada bila-bila masa samada sebelum Hari Penamaan Calon atau selepasnya. Calon turut perlu mengambil perhatian sekiranya Bahagian Pilihan Raya tempat beliau melibatkan lebih daripada satu (1) PBT.

Contoh:

Calon yang ingin bertanding di DUN N.18 Hulu Kelang perlu membayar permit pemasangan bahan kempen kepada Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya memandangkan DUN N.18 Hulu Kelang adalah di bawah kedua-dua Majlis Perbandaran ini.

10. Bilakah calon terlucut hak wang deposit?

Deposit akan terlucut hak (deposit pilihan raya tidak akan dipulangkan kepada calon) apabila calon didapati tidak mendapat lebih daripada satu per lapan daripada jumlah bilangan undi yang diperoleh oleh semua calon dalam Bahagian Pilihan Raya itu.

11. Apakah sekiranya calon tidak menuntut deposit ?

Apa-apa deposit yang tidak dituntut dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (7A) hendaklah terlucut hak.

PUSAT PENAMAAN CALON (PPC)

1. Di manakah Pusat Penamaan Calon (PPC) dan pukul berapa PPC dibuka?

Lokasi PPC ditetapkan oleh Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya tersebut dan akan dimaklumkan kepada orang ramai melalui Notis Borang 3. PPC akan dibuka sebelum jam 9.00 pagi pada Hari Penamaan Calon. Walau bagaimanapun, penyerahan Kertas Penamaan Calon kepada Pegawai Pengurus hanya boleh dibuat antara jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi pada Hari Penamaan Calon sahaja.

2. Siapakah yang boleh masuk ke dalam PPC?

Berdasarkan Perkara 8, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, tiada seorang pun selain Pegawai Pengurus, anggota atau pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya, calon, pencadang dan penyokongnya berhak hadir pada masa urusan penamaan calon, kecuali atas permintaan dan bagi maksud membantu Pegawai Pengurus.

Selain itu, berdasarkan Perkara 24A(2), Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, tiada seorang pun boleh, pada hari atau hari-hari penamaan, menunggu atau berdiri-diri dalam jarak lima puluh meter dari sempadan mana-mana tempat penamaan.

3. Adakah calon boleh memakai pakaian yang mempunyai lambang parti semasa hadir ke PPC?

Ya, calon/penyokong/pencadang boleh hadir ke PPC dengan memakai pakaian yang mempunyai lambang/logo parti.

4. Bolehkah penyokong-penyokong calon berkumpul di luar PPC?

Berdasarkan Seksyen 24A(2), Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, tiada seorang pun boleh, pada hari atau hari-hari penamaan, menunggu atau berdiri-diri dalam jarak lima puluh meter dari sempadan mana-mana tempat penamaan.

5. Bagaimanakah calon/pencadang/penyokong hendak mendapatkan pas untuk masuk ke dalam Pusat Penamaan Calon (PPC)?

Pas untuk memasuki PPC boleh diperoleh di Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) sebelum Hari Penamaan Calon secara percuma. Pas ini turut disediakan di PPC pada Hari Penamaan Calon. Bagi calon yang tidak mempunyai pas, tapi berniat untuk bertanding di dalam pilihan raya, calon boleh mendapatkan pas di PPC pada Hari Penamaan Calon dengan menunjukkan Kertas Penamaan kepada pegawai PDRM/pegawai SPR di pintu masuk PPC.

6. Apakah tindakan apabila seseorang melakukan salah laku di PPC atau tidak menurut perintah yang sah daripada pegawai pengurus ?

Seseorang itu boleh serta-merta dengan perintah Pegawai Pengurus dikeluarkan dari tempat itu oleh pegawai polis yang bertugas di luar atau berdekatan dengan tempat penamaan itu.

EJEN PILIHAN RAYA

1. Adakah calon wajib melantik ejen pilihan raya?

Tidak. Calon boleh melantik sesiapa yang layak atau melantik diri sendiri sebagai ejen pilihan raya. Calon yang melantik diri sendiri sebagai ejen pilihan raya tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 sebagai calon dan sebagai ejen pilihan raya.

2. Apakah tugas ejen pilihan raya?

Antara tugas ejen pilihan raya adalah:

- a) Menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan pemilihan seorang calon seperti yang dibenarkan oleh peruntukan yang berkenaan dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;
- b) Boleh melantik wakil calon untuk menyertai Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR);
- c) Boleh melantik Ejen Tempat Mengundi, Ejen Mengira Undi, Ejen Pengeluaran Kertas Undi Pos, Ejen Barung Kerani Penyemak Daftar Pemilih (KPDP), kerani dan pembawa utusan, samada diberi gaji atau tidak;
- d) Mengurus rekod dan penyata perbelanjaan yang berkaitan dengan pilihan raya bagi calonnya; dan
- e) Mengemukakan penyata perbelanjaan pilihan raya dalam tempoh masa yang ditetapkan.

3. Adakah Ejen Pilihan Raya boleh hadir di PPC?

Tidak. Hanya calon/pencadang/penyokong dibenarkan untuk masuk ke dalam PPC. Walau bagaimanapun, maklumat ejen perlulah dilengkapkan di dalam borang SPR 766 (Borang Maklumat Tambahan Calon/Ejen Pilihan Raya) dan diserahkan kepada Pegawai Pengurus pada Hari Penamaan Calon.

-TAMAT-